

Projek MuM (Minggu Untuk Meneroka) *Topik: Bunga*



Gambaran Keseluruhan:

Topik bunga yang dipilih oleh kanak-kanak Tadika 2 ini timbul setelah mereka membaca buku besar 'Di mana saya?'. Mereka ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang kegunaan bunga.

Matlamat Pembelajaran:

- 1. mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
- 2. membina kemahiran asas bahasa dan literasi

Objektif Pengajaran:

Kanak-kanak akan berpeluang untuk:

- 1. mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam tentang bunga
- 2. bekerjasama dengan rakan-rakan, guru dan ibu bapa untuk berbincang tentang topik yang dipilih
 - * Projek ini mengambil masa kira-kira 2 minggu untuk dijalankan supaya kanak-kanak dapat diberi ruang dan peluang untuk meneroka topik pilihan mereka.



#1 Pemilihan topik

- Kanak-kanak berbincang tentang topik-topik yang ingin dipelajari. Contoh: wau, kain pelekat, telefon, silat, bunga dan majlis perkahwinan.
- Kanak-kanak membuat pemilihan topik dengan mengundi.
- Kanak-kanak berkongsi maklumat tentang perkara-perkara yang sudah dan ingin diketahui oleh mereka tentang bunga.
- Guru mencatatkan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh kanak-kanak di papan tulis.
- * Guru boleh mengajar kanak-kanak cara menggunakan alat menjana idea seperti lingkaran atau carta KWL untuk mengumpulkan idea atau soalan. Guru juga boleh juga menggunakan teknik penyoalan 'PEER' dan 'CROWD'.





Kanak-kanak mengundi topik yang ingin diketahui lebih lanjut.

#2 Mendapatkan maklumat bagi topik pilihan

- Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang cara-cara untuk mendapatkan jawapan bagi soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh mereka.
- Kanak-kanak bersetuju untuk mendapatkan maklumat daripada Ibu bapa, berkunjung ke taman permainan yang berdekatan dan melungsuri internet.





Kanak-kanak meneroka topik pilihan.

- * Guru boleh membantu kanak-kanak untuk mendapatkan maklumat dengan:
- menjemput atau melawat seorang pakar yang boleh memberi jawapan bagi soalan-soalan yang dikemukakan
- melawat tempat yang membolehkan mereka memerhatikan atau menemu ramah seseorang
- menggunakan majalah, brosur dan buku
- melungsuri Internet

#3 Mengaplikasikan maklumat yang diperoleh kanak-kanak

• Guru memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengaplikasikan maklumat yang didapati dari internet atau bantuan Ibu bapa menerusi permainan melabelkan bahagian-bahagian bunga dan pokok.



Kanak-kanak memadankan bahagian-bahagian bunga dan pokok yang telah dipelajari.

#4 Mendokumentasikan maklumat yang diperoleh kanak-kanak

- Guru memberi peluang kepada kanak-kanak untuk membuat renungan tentang pengalaman mereka dan mendapatkan maklumat.
- Guru menggalakkan kanak-kanak untuk mendokumentasikan maklumat mereka dengan melukis, mengambil gambar, membuat model, menghasilkan kraf, menulis perkataan dan melabelkannya.

#5 Menggunakan maklumat yang telah diperoleh

- Guru mengggalakkan kanak-kanak untuk memberikan pendapat dan menjelaskan maklumat yang telah diperolehi.
- Guru memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berkongsi maklumat di dalam kelas.



Kanak-kanak berkongsi maklumat yang telah diperoleh.

* Kanak-kanak boleh berkongsi maklumat mereka melalui main peranan, aktiviti kraf, Unjuk dan Ujar dan aktiviti menyanyi.



Kesimpulan:

Contoh:

Kanak-kanak dari kelas Bouncy Bunnies berasa gembira kerana telah berjaya mendapatkan jawapan soalan-soalan yang ditanya oleh mereka. Kanak-kanak juga berpuas hati dengan pemilihan topik bagi Projek Mum.

Sumbangan oleh:

Cikgu Siti Raudhah Binte Haji Halimi dan Kelas Bouncy Bunnies dari MK Tampines